

12 SEP 2003

Mahathir-Terima Kasih/I

DR MAHATHIR SANGKAL TANGGAPAN "BAJET TERIMA KASIH"

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyangkal tanggapan bahawa Bajet 2004 yang dibentangkan beliau di Dewan Rakyat hari ini adalah bagi melahirkan rasa terima kasih beliau kepada rakyat yang telah membolehkan beliau dan Barisan Nasional berkuasa selama ini.

"Ia bukannya wang saya...saya tidak boleh melahirkan penghargaan kepada rakyat dengan membelanjakan wang kerajaan. Saya tidak lakukan perkara seumpama itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membentangkan bajet itu yang mengambil masa tiga jam.

Bajet 2004 merupakan bajet terakhir yang dibentangkan oleh Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, berikutan beliau akan bersara daripada semua jawatan kerajaan pada akhir bulan depan selepas memegang tampuk pemerintahan selama 22 tahun.

Kepada soalan lain kenapa terdapat penurunan dalam jumlah wang yang akan dibelanjakan oleh kerajaan pada tahun depan berbanding 2003, beliau berkata tahun ini negara mempunyai "banyak belanjawan tambahan, jadi bajet meningkat agak banyak."

"Malahan pada 2004 ia mungkin perlu untuk mempunyai bajet tambahan tetapi sebaik mungkin, kita mahu mengelakkan membuat bajet tambahan kerana ia merupakan cara belanjawan yang amat tidak efisien," katanya.

Mengenai bonus setengah bulan bagi kakitangan awam, yang beliau turut umumkan dalam bajet, Dr Mahathir berkata bonus kepada lebih satu juta kakitangan awam berkenaan akan dibayar secara berperingkat.

-- BERNAMA

SR SR RHM